

Amirul Naqib bin Ahmad Fathil Mubashshir*, Muhammad Danial Haqimi bin Mohamad Rozi *, Muhammad Nour Naim bin Mohd Nour Fadillah* ,
 Auni Sumayyah binti Mohd Hamizan*, Nurul Farhah binti Hamidi** ,
 *Tahfiz Profesional, Mahaad Tahfiz Negeri Pahang, 26060 Kuantan, Pahang.
 **Jabatan Akademik, Mahaad Tahfiz Negeri Pahang, 26060 Kuantan, Pahang

ABSTRAK

Di Semenanjung Malaysia, hutan paya gambut boleh didapati di negeri Pahang. Keluasannya meliputi 140,829.97 hektar daripada keseluruhan hutan di Pahang yang berjumlah 1.5 juta hektar. Hutan paya gambut berperanan menyerap karbon dioksida dan membantu menstabilkan iklim dengan memperlahankan proses pemanasan global. Selain itu, hutan paya gambut juga merupakan habitat perlindungan kepada spesis-spesis reptilia yang terancam. Dilaporkan bahawa tiga buah daerah di Pahang iaitu Pekan, Kuantan dan Rompin sering berhadapan dengan masalah kebakaran hutan paya gambut. Berdasarkan analisis imej satelit yang diperolehi dari Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), hutan paya gambut di daerah Pekan berisiko tinggi untuk terbakar pada musim kering yang dijangkakan berlaku antara Mei hingga September kerana Monsun Barat Daya. Pelaksanaan kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan usaha JPNP dalam pengurusan kebakaran hutan paya gambut. Penyelidikannya dilaksanakan secara kualitatif iaitu menganalisis laporan-laporan kebakaran hutan yang telah direkodkan oleh JPNP. Temu bual bagi mengumpulkan maklumat berkaitan pengurusan kebakaran hutan paya gambut turut diadakan. Sungguhpun faktor utama berlakunya kebakaran disebabkan oleh cuaca yang panas, namun pelbagai langkah telah diambil dalam menyelesaikan isu kebakaran hutan agar ekosistem hutan paya gambut dapat dikekalkan. Pelaksanaan penyelidikan ini membantu dalam mengenal pasti kaedah-kaedah yang telah digunakan bagi mengatasi masalah kebakaran hutan paya gambut yang saban tahun berlaku di negeri Pahang.

Kata kunci: hutan paya gambut, ekosistem, kebakaran, habitat

OBJEKTIF

1. Menganalisis keberkesanan tindakan yang diambil oleh JPNP dalam pengurusan kebakaran hutan paya gambut di Pahang.
2. Mengetahui cabaran JPNP dalam menangani isu kebakaran hutan paya gambut di Pahang.

METODOLOGI

KAEDAH KUALITATIF

1 Analisis laporan dan keratan akhbar

2 Temu bual

KEPENTINGAN HUTAN PAYA GAMBUT

Mengawal banjir dan membantu dalam mengekalkan paras air

Agen penyimpanan dan pengawalan karbon

Sumbangan kepada sosioekonomi penduduk tempatan

Habitat flora dan fauna

Ekopelancongan dan rekreasi

RUMUSAN

- Langkah yang diambil oleh JPNP berjaya mengawal kebakaran hutan paya gambut di negeri Pahang melalui kaedah 80% pencegahan dan 20% pepadaman serta pengawalan.
- Penglibatan Jabatan Bomba Malaysia dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang membantu JPNP dalam menghadapi cabaran pengurusan hutan paya gambut di negeri Pahang.

RUJUKAN


1. Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, (2019), Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut untuk Mengatasi Masalah Jerebu di Malaysia. Diperolehi pada 22 September 2023 daripada <https://www.nrecc.gov.my/ms-my/teras/alamsekitar/Documents/program-mencegah-kebakaran-tanah-gambut.pdf>
2. Khairulmizan Yahya (2016), APMM Bantu Bomba Padam Kebakaran Hutan, Berita Harian. Diperolehi pada 26 September 2023 daripada <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/12645/2016/04/142455/apmm-bantu-bomba-padam-kebakaran-hutan>
3. Kurniawati Kamarudin & Sakini Mohd Said, (2021), Malaysia Berpotensi Kehilangan Hutan Paya Gambut. Diperolehi pada 26 September 2023 daripada https://www.bernama.com/bm/b_fokus/v2/news.php?id=1949618
4. Puan Nurfaizla binti Kamarulbahrin, Penolong Pengarah Sivikultur (Zon Pahang), Pejabat Pembangunan Hutan (Zon Pahang Timur). Diperolehi pada 26 September 2023 daripada pengurusan kebakaran hutan paya gambut (temubual)
5. Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) Negeri Pahang Tahun 2016-2025. Diperolehi pada <https://forestry.pahang.gov.my/download/MC&I/RPH2016-2025.pdf>

LATAR BELAKANG

FENOMENA PEMBENTUKAN HUTAN PAYA GAMBUT



TABURAN HUTAN PAYA GAMBUT



PUNCA KEBAKARAN HUTAN PAYA GAMBUT


- Punca api daripada puntung rokok dan unggun api
- Persekitaran tanah gambut yang kering
- Pembukaan tanah gambut bagi aktiviti pertanian dan perdagangan

JADUAL 1: KELUASAN HUTAN PAYA GAMBUT DI PAHANG

DAERAH	KELUASAN (HEKTAR)
KUANTAN, MARAN DAN PEKAN	126,360.97
ROMPIN	14,469.00


Sumber: Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) Negeri Pahang (2016-2025)

GRAF 1: STATISTIK KEBAKARAN HUTAN PAYA GAMBUT DI PAHANG



PERBINCANGAN

Pada peringkat awal, JPNP menggunakan konsep pencegahan 20:80 bagi tujuan pengawalan kebakaran, bagaimanapun pada tahun 2016 JPNP menyelaraskan konsep pencegahan kepada 80 : 20.



KITARAN PENGURUSAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT



PEMBINAAN INFRASTRUKTUR BAGI MENCEGAH KEBAKARAN TANAH GAMBUT

PERKARA	BILANGAN
Sekatan Saliran (SS)	92
Telaga Tiub (TT)	16
Menara Tinjau (MT)	1
Kolam Takungan (KT)	2